



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGARUH KEMAHIRAN PENGURUSAN, KEWANGAN DAN PEMASARAN TERHADAP BUDAYA KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN PELAJAR FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI UPSI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGARUH KEMAHIRAN PENGURUSAN, KEWANGAN DAN PEMASARAN
TERHADAP BUDAYA KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN PELAJAR
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI UPSI**

LUKMAN AKIF BIN ZAHARI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**LAPORAN PROJEK TAHUN AKHIR DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PERNIAGAAN) DENGAN KEPUJIAN**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
(FPE)****PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama Pelajar:	Lukman Akif bin Zahari
No. Pendaftaran:	D20201093998
Nama Ijazah:	Sarjana Muda Pendidikan (Pengurusan Perniagaan) dengan Kepujian
Bidang Pengkhususan:	Pengurusan Perniagaan
Tajuk Projek / Penyelidikan:	Pengaruh Kemahiran Pengurusan, Kewangan dan Pemasaran Terhadap Budaya Keusahawanan dalam kalangan Pelajar Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi UPSI

Saya sahkan bahawa segala bahan yang terkandung dalam laporan projek tahun akhir ini adalah hasil usaha saya sendiri. Sekiranya terdapat hasil kerja orang lain atau pihak lain sama ada diterbitkan atau tidak (seperti buku, artikel, kertas kerja, atau bahan dalam bentuk yang lain seperti rakaman audio dan video, penerbitan elektronik atau Internet) yang telah digunakan, saya telah pun merakamkan pengiktirafan terhadap sumbangan mereka melalui konvensyen akademik yang bersesuaian. Saya juga mengakui bahawa bahan yang terkandung dalam laporan projek tahun akhir ini belum lagi diterbitkan atau diserahkan untuk program atau diploma/ijazah lain di mana-mana universiti.

29/02/2024

Tarikh

Tandatangan Pelajar

Perakuan Penyelia:

Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pengurusan Perniagaan) dengan Kepujian.

Tarikh

Tandatangan Penyelia

(Dr. Juliana binti Haji Osman
@ Zainal Abidin)



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, segala puji Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Rasulullah S.A.W. Syukur ke hadrat ilahi kerana di atas izin dan kehendak-Nya, projek tahun akhir ini berjaya disiapkan dengan sempurna. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga buat Pensyarah Penyelia Projek Tahun Akhir, Dr. Juliana binti Haji Osman @ Zainal Abidin di atas segala bentuk tunjuk ajar, idea, bimbingan, dorongan, masa dan tenaga yang disumbangkan bagi membantu dalam menyiapkan projek tahun akhir ini. Kajian yang dijalankan ini pasti tidak ada titik noktahnya tanpa ilmu yang diberikan oleh pensyarah penyelia yang dikasihi.

Selain daripada itu, jutaan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), UPSI yang banyak memberikan input tambahan terhadap kajian yang dijalankan bagi menambah-baik kualiti dan mutu penulisan projek tahun akhir dan Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) yang mengemukakan data dalam kalangan pelajar FPE, UPSI. Segenap penghargaan juga diberikan kepada pihak yang terlibat secara tidak langsung dan secara langsung dalam proses pengutipan data dengan menjawab borang kajian soal selidik yang diedarkan. Tidak dilupakan juga kepada ibu bapa dan ahli keluarga yang tercinta yang tidak pernah jemu memberikan dorongan, semangat dan doa yang dipahatkan untuk berjaya menempuh era menara gading ini. Akhir kata, ucapan terima kasih kepada bakal-bakal guru, rakan-rakan AT21 yang sentiasa membantu sepanjang menjalankan pengajian di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Semoga segala bentuk bantuan yang diberikan akan diganti dengan ganjaran yang lebih besar oleh Allah S.W.T.

Terima Kasih.





ABSTRAK

Keusahawanan merupakan alternatif skop pekerjaan baru selain bekerja makan gaji yang mampu untuk mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan graduan lepasan universiti. Kemahiran keusahawanan perlu ada dalam diri setiap individu yang berhasrat untuk menceburi bidang keusahawanan. Namun, masih kurang kajian yang dilaksanakan untuk mengenal pasti kesan kemahiran keusahawanan terhadap budaya keusahawanan seseorang individu. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti pengaruh kemahiran pengurusan, kewangan dan pemasaran terhadap budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), UPSI. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Sampel kajian ini terdiri daripada 320 orang pelajar FPE, UPSI yang dipilih melalui teknik pensampelan rawak mudah. Data yang dikutip menggunakan borang kajian soal selidik secara dalam talian dan dianalisis melalui analisis regresi berganda dengan menggunakan perisian *Statistical Package For The Social Sciences* (SPSS) versi 25.0. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa kemahiran pengurusan, kewangan dan pemasaran mempengaruhi budaya keusahawanan secara positif dan signifikan dalam kalangan pelajar FPE, UPSI. Kajian ini dapat membantu pelajar IPT, pihak IPT, usahawan dan kerajaan dalam pembudayaan keusahawanan serta membangunkan bidang keusahawanan. Namun begitu, kajian ini masih mempunyai keterbatasan tertentu disebabkan oleh beberapa faktor yang memerlukan penambahbaikan dalam kajian yang akan dijalankan pada masa yang akan datang.





THE INFLUENCE OF MANAGERIAL, FINANCIAL AND MARKETING SKILLS TOWARDS ENTREPRENEURIAL CULTURE AMONG STUDENTS OF THE FACULTY OF MANAGEMENT AND ECONOMICS UPSI

ABSTRACT

Entrepreneurship is an alternative scope of new jobs besides salaried employment that can reduce the unemployment rate among university graduates. Entrepreneurial skills should be present in every individual who aspires to venture into the field of entrepreneurship. However, there is still a lack of research conducted to identify the effect of entrepreneurial skills on an individual's entrepreneurial culture. Therefore, this study was conducted to identify the influence of managerial, financial, and marketing skills on entrepreneurial culture among students of the Faculty of Management and Economics (FPE), UPSI. This study used a quantitative approach. The study sample consisted of 320 FPE students, UPSI, selected through a simple random sampling technique. The data was collected using an online survey questionnaire and analyzed through multiple regression analysis using the Statistical Package For The Social Sciences (SPSS) software version 25.0. The study findings indicate that managerial, financial, and marketing skills positively and significantly influence entrepreneurial culture among FPE students, UPSI. This study can assist IPT students, IPT authorities, entrepreneurs, and the government in promoting entrepreneurship and developing the field of entrepreneurship. However, this study still has certain limitations due to several factors that require improvement in future studies.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SINGKATAN	xi



BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Masalah	4
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Persoalan Kajian	7
1.6 Hipotesis Kajian	8
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	9
1.8 Kepentingan Kajian	10
1.9 Batasan Kajian	13
1.10 Definisi Operasional Kajian	14
1.11 Struktur Kajian	17





1.12 Kesimpulan	18
-----------------	----

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	19
2.2 Pemboleh Ubah Kajian	20
2.2.1 Kemahiran Pengurusan	20
2.2.2 Kemahiran Kewangan	22
2.2.3 Kemahiran Pemasaran	22
2.2.4 Budaya Keusahawanan	23
2.3 Kerangka Teori	24
2.3.1 Model Psikologikal-Ekonomi Davidsson (1995)	25
2.3.2 Model Kemahiran Asas Perniagaan (Zimmerer & Scarborough)	26
2.4 Pembangunan Hipotesis	28
2.4.1 Pengaruh Kemahiran Pengurusan Terhadap Budaya Keusahawanan	28
2.4.2 Pengaruh Kemahiran Kewangan Terhadap Budaya Keusahawanan	29
2.4.3 Pengaruh Kemahiran Pemasaran Terhadap Budaya Keusahawanan	30
2.5 Kesimpulan	32

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	33
3.2 Reka Bentuk Kajian	34
3.3 Lokasi Kajian	34
3.4 Populasi dan Sampel	35





3.5	Pengukuran Item Kajian	36
3.6	Instrumen Kajian	37
3.7	Kajian Rintis	44
3.7.1	Kesahan	45
3.7.2	Kebolehpercayaan	47
3.8	Kutipan Data	48
3.9	Analisis Data	50
3.10	Kesimpulan	52

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	53
4.2	Profil Responden	54
4.3	Analisis Awal	57
4.3.1	Pengujian Pematuhan Andaian Regresi	57
4.3.2	Ujian Normaliti	58
4.3.3	Ujian <i>Outliers</i>	60
4.3.4	Ujian Multikolineariti	61
4.4	Tafsiran Dapatan Kajian	62
4.4.1	Dapatan Analisis Regresi Linear Berganda	62
4.5	Kesimpulan	65

BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN LIMITASI

5.1	Pengenalan	66
5.2	Perbincangan Terhadap Dapatan Kajian	67
5.2.1	Perbincangan Dapatan Kajian 1	68
5.2.2	Perbincangan Dapatan Kajian 2	69
5.2.3	Perbincangan Dapatan Kajian 3	70





5.3	Implikasi Dapatan Kajian	71
5.4	Limitasi dan Cadangan Kajian Lanjutan	75
5.5	Kesimpulan	76
RUJUKAN		78
LAMPIRAN		86





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
Jadual 3.1	36
Jadual 3.2	38
Jadual 3.3	48
Jadual 4.1	55
Jadual 4.2	58
Jadual 4.3	60
Jadual 4.4	61
Jadual 4.5	62
Jadual 4.6	63
Jadual 4.7	64
Jadual 4.8	65





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

X

SENARAI RAJAH

No. Rajah**Muka Surat**

Rajah 1.1	Kerangka Konseptual Kajian	10
Rajah 2.1	Model Psikologikal Ekonomi Davidsson (1995)	26
Rajah 3.1	Proses Kutipan Data	49



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI SINGKATAN

ANOVA	<i>Analysis of Variance</i>
BHEA	Bahagian Hal Ehwal Akademik
FPE	Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
GUESS	Global University Entrepreneurial Spirit Students' Survey
IKS	Industri Kecil Sederhana
IPT	Institut Pengajian Tinggi
ISM	Ijazah Sarjana Muda
ISMP	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
SPSS	<i>Statistical Package For The Social Sciences</i>
TEKUN	Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
VIF	<i>Variance Inflation Factor</i>





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xii

SENARAI LAMPIRAN

A	Borang Permohonan Data Pelajar FPE, UPSI (Bahagian Hal Ehwal Akademik)
B	Borang Kajian Soal Selidik
C	Keputusan Analisis Dapatan Kajian



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENDAHULUAN



Dalam bab ini terdiri daripada subtajuk 1.2 yang meliputi latar belakang kajian yang menerangkan pengupasan berkenaan dengan isu yang memerlukan kajian ini dijalankan. Pernyataan masalah yang merupakan subtajuk 1.3 yang akan menggariskan masalah dan isu-isu umum tentang masalah, hubungan antara pembolehubah yang memerlukan kajian dan penyelidikan ini dijalankan dan membincangkan kekurangan dalam kajian lepas. Seterusnya, subtajuk 1.4 membincangkan objektif kajian. Subtajuk 1.5 menyatakan persoalan kajian yang perlu dijawab di dalam kajian ini. Subtajuk 1.6 menyatakan hipotesis kajian. Kerangka konseptual kajian di dalam subtajuk 1.7 menerangkan hubungan di antara pembolehubah tidak bersandar dan pembolehubah bersandar. Subtajuk 1.8 menjelaskan kepentingan kajian ini kepada pelbagai pihak.





Subtajuk 1.9 ialah batasan kajian yang menerangkan limitasi kajian ini. Kemudian, subtajuk 1.10 menjelaskan definisi operasional bagi semua pemboleh ubah kajian. Struktur kajian pula diterangkan di dalam subtajuk 1.11. Bab ini diakhiri dengan subtajuk 1.12 yang menjelaskan kesimpulan bagi bab ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Budaya keusahawanan ditakrifkan sebagai satu tingkah laku dan nilai yang dipupuk dalam diri seseorang individu berkaitan dengan kegiatan keusahawanan (Nudin et al., 2022). Bidang keusahawanan merupakan satu bidang yang mempunyai potensi untuk meningkatkan kesejahteraan negara dengan menggalakkan aktiviti ekonomi yang lebih dinamik, (Abu Sufian et al., 2015). Keusahawanan melibatkan proses mencipta, mengurus dan mengembangkan perniagaan yang menawarkan produk atau perkhidmatan yang memenuhi keperluan pasaran.

Penerapan kemahiran keusahawanan di institusi pendidikan merupakan salah satu komponen penting dalam pendidikan keusahawanan (Freddy Laipat & Norasmah Othman, 2021). Kemahiran keusahawanan meliputi kemampuan untuk mengenal pasti peluang, menyelesaikan masalah, mengambil risiko, berkomunikasi dengan efektif, dan bekerjasama dengan orang lain. Melalui pembelajaran dan pengamalan kemahiran keusahawanan, pelajar dapat meningkatkan kreativiti, keyakinan, dan kemandirian





mereka. Selain itu, kemahiran keusahawanan juga dapat membantu pelajar bersedia untuk menghadapi cabaran dan peluang di dunia kerja masa depan.

Penerapan pendidikan keusahawanan di Institut Pengajian Tinggi (IPT) perlu ditambah baik untuk menarik minat lebih ramai mahasiswa universiti untuk menjadi seorang usahawan sebagai satu kerjaya. Satu kajian telah dijalankan di sebuah universiti yang terdapat di Kanada merumuskan bahawa pelajar yang paling ramai mendaftar ialah pelajar daripada fakulti perniagaan yang mencapai nilai peratusan sebanyak 46 peratus (Audet et al., 2018). Namun, menurut Sieger et al., (2014), terdapat kajian daripada *Global University Entrepreneurial Spirit Students' Survey* (GUESS) menunjukkan bahawa hanya terdapat 6 peratus penuntut yang mempunyai keinginan untuk menjadi seorang usahawan sejurus tamat pengajian dan 36 peratus penuntut ingin menjadi usahawan setelah lima tahun tamat pengajian.

Menurut Shirokova et al., (2018), penglibatan pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) menerusi aktiviti keusahawanan membawa maksud gabungan masa dan tenaga pelajar IPT untuk melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan. Institut Pengajian Tinggi (IPT) memainkan peranan yang penting dalam pembentukan nilai budaya keusahawanan dalam diri pelajar IPT. Pelbagai inisiatif telah diusahakan oleh pihak IPT bagi memantapkan lagi kemahiran-kemahiran tertentu yang perlu ada di dalam diri pelajar bagi meningkatkan tahap budaya keusahawanan. Antaranya ialah Dasar Pembangunan Keusahawanan Institut Pengajian Tinggi, Pelan Strategik Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi dan Pelan Tindakan Keusahawanan Institut Pengajian Tinggi yang merupakan polisi untuk memantapkan pembangunan keusahawanan dalam





kalangan pelajar IPT untuk melahirkan usahawan yang inovatif dan kreatif (Te et al., 2019).

Menurut Freddy Laipat & Norasmah Othman (2021), penerapan melalui kurikulum dan kokurikulum dalam usaha untuk mempraktikkan ilmu dan latihan keusahawanan sebagai satu pembudayaan keusahawanan di peringkat sekolah dan Institut Pengajian Tinggi (IPT). Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pengaruh kemahiran pengurusan, kewangan dan pemasaran dalam kalangan pelajar Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), UPSI.



1.3 Pernyataan Masalah

Keusahawanan adalah kunci untuk mengubah ekonomi negara ke tahap yang lebih tinggi dan mencapai status negara maju dalam jangka masa yang ditetapkan. Oleh itu, kerajaan Malaysia menekankan kepentingan melahirkan usahawan yang berkualiti dan berdaya saing. Walau bagaimanapun, budaya keusahawanan masih kurang diterapkan dalam kalangan pelajar yang cenderung untuk mencari pekerjaan yang sedia ada daripada mengambil risiko dan mencipta peluang dalam keusahawanan (Freddy Laipat & Norasmah Othman, 2021).

Lambakan mahasiswa yang telah tamat pengajian dalam bidang pengkhususan

tertentu menjadi punca utama berlakunya pengangguran di Malaysia. Menurut ur





Rahman et al., (2019), trend pengagguran menjadi semakin meningkat dari hari ke hari akibat keadaan ekonomi semasa menjadi isu yang sangat membimbangkan bukan sahaja melibatkan negara mundur dan membangun, malah negara maju juga mendapat tempias. Satu daripada empat mahasiswa universiti yang telah tamat pengajian tidak mendapatkan pekerjaan dalam jangka masa enam bulan manakala hanya dua peratus sahaja mahasiswa yang mempunyai keberanian untuk memulakan perniagaan mereka sendiri (Jamaluddin et al., 2019). Keusahawanan boleh dijadikan sebagai medium bagi mengurangkan kadar pengangguran dan pemangkin pertumbuhan ekonomi. Pernyataan ini dapat dibuktikan melalui kenyataan Daud & Ismail (2017) yang berpendapat bahawa bidang keusahawanan mampu memberikan sinar terhadap pembangunan ekonomi di Malaysia. Namun, keinginan dan hasrat mahasiswa universiti terhadap perniagaan dan keusahawanan masih kurang (Auwalu, 2014). Hal ini kerana mahasiswa universiti takut untuk mendepani risiko yang bakal mendarat dalam dunia perniagaan dan kurangnya kemahiran-kemahiran asas yang diperlukan untuk menceburi bidang keusahawanan.

Menurut Yuson et al., (2018), penerapan minat haruslah dilakukan seawal mungkin bagi meningkatkan pembudayaan keusahawanan dalam kalangan remaja dan belia. Minat yang disulami dengan kemahiran keusahawanan akan memampukan individu yang bermula daripada bawah dengan modal kecil seperti agen pesan hantar (*dropship*) sehingga menjadi seorang usahawan yang berjaya mempunyai pemilikan perniagaan persendirian. Menurut In & Ahmad (2019), pendedahan terhadap bidang keusahawanan menjadi sesuatu yang perlu dititikberatkan dalam kalangan pelajar kerana kefahaman yang lemah mampu mendorong pelajar kurang minat terhadap sesuatu perkara. Kaum bumiputera lebih cenderung untuk memilih sektor awam dan





kerajaan, sektor pertanian, sektor pembuatan dan kegiatan ekonomi yang lain sebagai kerjaya berbanding sektor perniagaan dan keusahawanan (Nasharudin & Harun, 2010).

Menurut Fretschner & Weber (2013), pendidikan keusahawanan menunjukkan perkembangan yang pesat di kebanyakan institusi pendidikan di seluruh dunia. Kajian berkenaan impak pendidikan keusahawanan terhadap sikap keusahawanan, hasrat keusahawanan dan kegiatan usahawan menunjukkan kesan dan hubungan yang positif (Lorz et al., 2013). Hal ini disebabkan oleh pihak universiti yang mula memainkan peranan dalam pembangunan kegiatan keusahawanan (Alves et al., 2019). Menurut Afifuddin (2015), kecenderungan mahasiswa terhadap bidang keusahawanan masih kurang memberangsangkan kerana lebih memilih untuk bekerja makan gaji sahaja.

Beliau menjelaskan bahawa mahasiswa universiti tidak menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari dalam bidang keusahawanan dan berpegang teguh dengan mentaliti bekerja makan gaji lebih baik daripada bekerja sendiri.

Laporan statistik *Global Entrepreneurship Monitor* (GEM) menyatakan bahawa pada tahun 2017/2018 hanya 17.6 peratus sahaja penduduk di Malaysia yang mempunyai niat keusahawanan berbanding negara-negara yang lain (*Global Entrepreneurship Research Association*, 2018). Trend ini akan menjadikan usaha kerajaan menjadi lebih sukar untuk memperkasakan bidang keusahawanan kerana kurang kecenderungan minat dalam kalangan pelajar untuk menjadikan usahawan sebagai kerjaya (Freddy Laipat & Norasmah Othman, 2021). Hal lain yang perlu dititikberatkan adalah sejauh mana institusi pendidikan dapat menyumbang dalam pemupukan budaya keusahawanan dalam diri pelajar.



1.4 Objektif Kajian

Kajian ini adalah untuk mengenal pasti pengaruh kemahiran pengurusan, kewangan dan pemasaran terhadap budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, UPSI. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk:

- a) Mengenal pasti pengaruh kemahiran pengurusan terhadap budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), UPSI.
- b) Mengenal pasti pengaruh kemahiran kewangan terhadap budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), UPSI.
- c) Mengenal pasti pengaruh kemahiran pemasaran terhadap budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), UPSI.

1.5 Persoalan Kajian

Secara umumnya, kajian ini akan menjawab persoalan kajian yang selaras dengan objektif kajian ini. Persoalan kajian adalah seperti berikut:

- a) Adakah kemahiran pengurusan mempengaruhi budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), UPSI?



- b) Adakah kemahiran kewangan mempengaruhi budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), UPSI?
- c) Adakah kemahiran pemasaran mempengaruhi budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), UPSI?

1.6 Hipotesis Kajian

Hasil daripada pernyataan masalah dan persoalan kajian yang timbul, maka terdapat tiga hipotesis dapat dibentuk untuk kajian ini. Hipotesis kajian ini adalah:



H1: Terdapat pengaruh yang signifikan bagi kemahiran pengurusan ke atas budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), UPSI.

H2: Terdapat pengaruh yang signifikan bagi kemahiran kewangan ke atas budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), UPSI.

H3: Terdapat pengaruh yang signifikan bagi kemahiran pemasaran ke atas budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), UPSI.






1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian merupakan satu gambaran awal yang membawa kepada perancangan dan pelaksanaan sesebuah kajian. Kerangka konseptual kajian ini dibentuk dan diadaptasi daripada Model Psikologikal-Ekonomi Davidsson (1995) dan Zimmerer & Scarborough (2005). Oleh yang demikian, terdapat dua pemboleh ubah dalam kerangka konseptual yang melibatkan kemahiran dan budaya keusahawanan. Secara amnya, faktor-faktor kemahiran (pemboleh ubah tidak bersandar) akan mempengaruhi budaya keusahawanan (pemboleh ubah bersandar). Kerangka konseptual kajian ini dibentuk selaras dengan objektif dan persoalan kajian bagi mengenal pasti pengaruh kemahiran pengurusan, kemahiran kewangan, kemahiran pemasaran terhadap budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), UPSI. Elemen kemahiran yang digunakan dalam kerangka konseptual ini ialah kemahiran pengurusan, kemahiran kewangan dan kemahiran pemasaran. Kerangka konseptual kajian yang lengkap adalah seperti di Rajah 1.1.





Rajah 1.1: Kerangka Konseptual Kajian

Sumber: Adaptasi daripada Model Model Psikologikal-Ekonomi Davidsson (1995), Zimmerer & Scarborough (2005).

1.8 Kepentingan Kajian

Sebagai seorang usahawan yang berjaya, mereka harus mempunyai keterampilan dan kemahiran-kemahiran asas untuk menjadi seorang usahawan. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti impak kemahiran pengurusan, kewangan dan pemasaran ke atas budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), UPSI. Kajian ini penting dan akan menyumbang kepada beberapa pihak yang terlibat secara langsung dalam bidang keusahawanan.



a) Pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT)

Pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) merupakan aset yang penting dalam negara sebagai pemacu tonggak kepimpinan negara pada masa yang akan datang. Oleh itu, pendedahan terhadap bidang keusahawanan kepada golongan ini menjadi satu keperluan untuk menarik minat mereka menceburi bidang tersebut. Kajian ini penting dalam menyemai pembudayaan keusahawanan dalam kalangan mahasiswa IPT melalui pengimplementasian kemahiran tertentu yang mendorong sifat dan budaya keusahawanan seseorang individu lebih-lebih lagi golongan belia dan remaja.



Kajian ini mampu dijadikan sebagai rujukan kepada pihak Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam proses perancangan kurikulum dan kokurikulum serta inisiatif tertentu yang mampu membantu dalam pemupukan budaya keusahawanan dalam diri mahasiswa melalui kemahiran-kemahiran asas yang diperlukan untuk menjadi seorang usahawan yang inovatif dan kreatif. Kemahiran asas keusahawanan sedia ada dalam diri mahasiswa dapat ditambah baik menerusi inisiatif yang diambil dan dijalankan oleh pihak Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam membudayakan bidang keusahawanan.





c) Usahawan

Usahawan adalah satu kerjaya yang memerlukan kebolehan dan kemahiran tertentu dalam menjalankan tugas mereka. Usahawan memerlukan kemahiran tertentu seperti kemahiran pengurusan, kewangan dan pemasaran untuk memastikan organisasi yang diurus tadbir secara lebih cekap dan efisien. Usahawan dapat mengenal pasti dan menambah baik kemahiran pengurusan, kewangan dan pemasaran untuk memantapkan budaya keusahawanan dalam diri. Kajian ini dapat membantu usahawan memperbaiki diri dalam memantapkan kemahiran dan sahsiah sebagai seorang usahawan. Oleh itu, kajian ini penting terhadap golongan usahawan yang sedang menggerakkan sesebuah organisasi.



d) Kerajaan

Kajian ini menyumbang kepada kerajaan khususnya Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sebagai satu batu loncatan untuk melaksanakan dasar-dasar tertentu dan program-program yang boleh memupuk dan memantapkan pembudayaan keusahawanan dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi penuntut institut pengajian tinggi (IPT). Selain itu, pihak kerajaan memegang tanggungjawab penuh dalam penawaran peluang dan program berdasarkan keusahawanan dan pembangunan ekonomi negara dalam menjamin kestabilan ekonomi negara lebih-lebih lagi dalam kalangan belia.





1.9 Batasan Kajian

Terdapat beberapa batasan atau limitasi dalam kajian ini. Kajian ini menumpukan kepada pelajar-pelajar Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) sahaja yang melibatkan pelajar diploma dan pelajar ijazah sarjana muda daripada setiap peringkat dan setiap program. Kajian ini tidak melibatkan keseluruhan pelajar daripada semua fakulti di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Hal ini demikian kerana terdapat kekangan daripada segi masa yang diperlukan dalam proses pengutipan data yang akan dijalankan. Hal ini kerana para pelajar FPE, UPSI merupakan antara individu-individu yang pernah atau sedang mempunyai penglibatan dalam aktiviti bidang perniagaan dan keusahawanan dan mereka mempunyai asas dalam ilmu perniagaan dan bidang keusahawanan. Oleh yang demikian, keputusan kajian yang diperoleh menjelaskan persepsi yang berfokus terhadap individu yang mempunyai asas dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Kekangan seterusnya ialah berkaitan dengan tumpuan kajian yang menjurus kepada kemahiran pengurusan, kemahiran kewangan dan kemahiran pemasaran sahaja. Hal ini kerana ketiga-tiga kemahiran tersebut adalah berdasarkan Model Kemahiran Asas Perniagaan oleh Zimmerer dan Scarborough (2005) yang mempunyai perkaitan dengan budaya keusahawanan seseorang individu.





1.10 Definisi Operasional Kajian

a) Kemahiran Pengurusan

Kemahiran pengurusan melibatkan kemampuan untuk merancang, melaksanakan, menilai dan menyesuaikan strategi dan tindakan yang sesuai dengan matlamat dan visi perniagaan. Kemahiran pengurusan juga membantu perniagaan untuk menghadapi cabaran, mengambil peluang, dan meningkatkan produktiviti dan kepuasan pelanggan. Oleh itu, kemahiran pengurusan merupakan aset penting yang perlu dimiliki oleh setiap usahawan yang ingin memacu perkembangan dan daya saing perniagaan mereka (Freddy Laipat & Norasmah Othman, 2021). Kemahiran pengurusan seseorang usahawan memberi kesan terhadap orientasi keusahawanan ke arah pasaran yang lebih proaktif melalui inovasi dan pengambilan risiko bagi membolehkan perniagaan berkembang bagi mendapatkan peluang baharu dalam sesuatu keadaan dan membentuk postur strategik (Shafiee et al., 2022). Menurut Nicole (2011), kemahiran pengurusan ialah satu kemahiran yang menjana kecekapan dalam penyelarasan organisasi, kepimpinan dan kawalan perniagaan lebih-lebih lagi dalam pengurusan inventori.





b) Kemahiran Kewangan

Kemahiran kewangan merupakan satu gabungan pengetahuan berkaitan dengan ilmu-ilmu kewangan, tingkah laku kewangan dan sikap kewangan dalam membuat sesuatu keputusan kewangan yang efektif bagi mencapai kesejahteraan seseorang individu dan organisasi (Ramasamy et al., 2018). Kemahiran pengurusan kewangan merupakan satu kemahiran dalam merancang, mengelola, mengarah, mengawal, mengagih dan menggembung sumber kewangan di dalam organisasi untuk mencapai matlamat kewangan dalam perniagaan (Nur Aina Nadiah, 2019). Kemahiran kewangan dalam perniagaan merupakan satu elemen yang sangat penting kerana proses untuk memulakan perniagaan mempunyai pelbagai pilihan antaranya seperti menggunakan modal sendiri, mewarisi perniagaan keluarga, mengambil alih perniagaan sedia ada atau mencebur perniagaan francais (Freddy Laipat & Norasmah Othman, 2021). Menurut Halimah & Shamshubaridah (2019), kesemua komponen pengurusan perniagaan yang terlibat seperti pengeluaran, pemasaran dan sumber manusia memerlukan kemahiran pengurusan kewangan yang cekap dan efisien kerana kesemua komponen tersebut memerlukan kos-kos tertentu.

c) Kemahiran Pemasaran

Menurut Freddy Laipat & Norasmah Othman (2021), pemasaran merupakan satu perkara yang sangat penting terhadap pengurusan dan dalam menjana keuntungan





syarikat. Pemasaran dimaksudkan sebagai satu bentuk strategi pemasaran yang mengandungi strategi tertentu seperti mencipta peluang, inovasi produk mesra pelanggan, penggayaan sumber dan kewajaran (Mort et al., 2012). Gabungan sifat keusahawanan dalam strategi pemasaran dan kemahiran pemasaran akan mengukuhkan kedudukan perniagaan dalam pasaran dalam masa yang sama memberi nilai yang berkualiti kepada konsumen (Freddy Laipat & Norasmah Othman, 2021). Menurut Gruber (2004), pemasaran merupakan komponen yang bagi penjanaan keuntungan bagi sesebuah perniagaan. Kemahiran pemasaran merupakan nadi terhadap sesebuah perniagaan supaya perniagaan terus berdaya saing dan berkembang maju (Morris et al., 2002).



d) Budaya Keusahawanan

Budaya meliputi motivasi yang diperlukan untuk memulakan atau menggerakkan keusahawanan (Aytac, 2007). Budaya keusahawanan diterapkan melalui penglibatan pelajar dalam pelbagai aktiviti kokurikulum dan sebarang komitmen yang berkaitan dengan bidang keusahawanan (Freddy Lipat & Norasmah Othman, 2021). Menurut Rizwan et al., (2019), sikap, kemahiran, nilai dan kuasa seseorang individu atau sesebuah kumpulan pekerja dalam sesebuah organisasi perniagaan yang melibatkan organisasi perniagaan yang mendorong penjanaan pendapatan bagi perniagaan. Menurut Levent et al., (2015), golongan yang mengamalkan pembudayaan keusahawanan akan mempunyai masa depan yang cerah dalam bidang keusahawanan. Dimensi autonomi merupakan satu perkara yang sangat penting dalam budaya





keusahawanan dan sifat autonomi akan mendorong usahawan mampu mencari peluang secara bebas tanpa sebarang kekangan (Zakaria, M. S. et al., 2021).

1.11 Struktur Kajian

Bab ini membincangkan ringkasan berkaitan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerangka teori, kepentingan kajian, batas kajian, dan definisi operasional kajian. Bab 2 menerangkan berkaitan dengan sorotan literatur kajian ini. Dalam bab ini juga terdapat teori yang berhubung kait dengan kajian yang dijalankan. Seterusnya, diikuti dengan penerangan pemboleh ubah bersandar dan pemboleh tidak bersandar. Bab ini akan menjelaskan sama ada faktor kemahiran pengurusan, kewangan dan pemasaran mempengaruhi budaya keusahawanan atau tidak. Bab 3 menjelaskan reka bentuk kajian dan menentukan lokasi kajian termasuk populasi dan sampel. Seterusnya, diikuti dengan pengukuran item kajian, kesahan instrument kajian, kajian rintis dan kutipan data. Setelah data diperoleh, data tersebut akan dianalisis. Bab 4 menunjukkan keputusan atau dapatan kajian dan menjelaskan penjadualan data, dan analisis data yang membuktikan sama ada hipotesis yang dicadangkan disokong atau tidak. Bab 5 menjelaskan perbincangan yang terperinci, kesimpulan dan implikasi kajian. Bab ini akan meringkaskan Keputusan statistik yang melibat setiap hipotesis atau objektif yang dinyatakan, dan batasan kajian.





1.12 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan tentang isu-isu yang mempunyai perkaitan dengan kajian yang sedang dijalankan dan idea-idea asas bagi kajian ini. Secara spesifiknya, bab ini menerangkan dengan ringkas berkaitan dengan kajian yang dijalankan berhubung dengan pengaruh kemahiran pengurusan, kewangan dan pemasaran terhadap budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar Fakulti Pengurusan dan Ekonomi UPSI. Seterusnya, bab ini memberi penerangan tentang permasalahan kajian, objektif kajian yang hendak dicapai, menjawab persoalan kajian, perangkaan kerangka konseptual kajian, pengujian hipotesis kajian, kepentingan untuk menjalankan kajian ini, batasan dalam kajian dan definisi operasional bagi setiap pembolehubah.

Dalam bab yang berikutnya, perbincangan berdasarkan kajian-kajian lepas yang mempunyai perkaitan dengan kajian yang sedang dijalankan danuraian teori-teori yang terlibat dalam kajian bagi menguatkan kajian yang sedang dilaksanakan.

